

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15/09/2017B

Kenyataan keras AS kesan pengaruh Malaysia beri gambaran situasi di Myanmar

# Hentikan keganasan

UM-15/9/2017 Pg. 2

■ WASHINGTON 14 SEPT.

**A**TAS pengaruh Malaysia yang memberi gambaran sebenar situasi di Myanmar, kuasa besar dunia Amerika Syarikat (AS) hari ini mengeluarkan kenyataan keras mendesak supaya keganasan ke atas etnik Rohingya dihentikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Presiden Donald J Trump juga telah mengarahkan pegawai-pegawainya mengkaji bentuk bantuan kemanusiaan yang boleh disalurkan kepada mangsa keganasan itu.

"Apabila saya perjelaskan kepada Trump tentang apa yang berlaku dan implikasinya, beliau telah



ZULKEFLI  
HAMZAH

Melaporkan dari  
WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT

mengarahkan supaya dikeluarkan satu kenyataan supaya keganasan terhadap Rohingya dihentikan," kata Najib kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan kerja tiga hari beliau ke AS di sini.

Menurutnya, beliau tidak fikir kenyataan seperti itu akan dikeluarkan AS tanpa peranan Malaysia yang dalam pertemuan tersebut telah membawa isu ini ke tengah seperti yang dijanjikan.

"Jadi saya telah tunaikan janji untuk bawa isu ini kepada Presiden Trump," kata Perdana Menteri yang mengulas kenyataan bersama yang dikeluarkan berkaitan isu tersebut selepas pertemuan beliau dengan Trump di White House.

Sebelum bertolak ke AS, Najib berjanji untuk membangkitkan isu penindasan terhadap masyarakat Islam Rohingya ke pengetahuan pemimpin AS itu.

Lebih 379,000 etnik Rohingya dilaporkan melarikan diri dari wilayah Rakhine di Myanmar ke Bangladesh sejak 25 Ogos lalu.

Najib berkata, Malaysia akan terus menyalurkan bantuan kemanusiaan serta menggunakan

pengaruh melalui badan-badan seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memperjuangkan nasib penduduk Rohingya.

Ditanya mengenai kerjasama ASEAN dalam isu itu, Najib berkata, ia adalah isu kemanusiaan yang sememangnya menjadi prinsip yang dipegang oleh pertubuhan negara serantau itu.

"Apa yang berlaku tidak dapat diterima sama sekali. Kita tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain tetapi ini memberi kesan kepada imej dan keselamatan negara ASEAN yang lain. Justeru, kita bertanggungjawab untuk memberikan pendapat," katanya. - UTUSAN